

PERTANDINGAN PIDATO KOLEJ KEDIAMAN TUN MUSTAPHA 2.0

JOHAN
MOHAMAD SHAKENDY

NAIB JOHAN
BAYU SAPUTRA

TEMPAT KE-3
IRHAM ZULHILMI

UMS KAMPUS RAHMAH
20/01/2021

PEMENANG: Johan, Naib Johan dan tempat ke-3 Pertandingan Pidato KKTM 2.0 2020.

Pertandingan Pidato KKTM 2.0 secara dalam talian di norma baharu

UB 01.01.2021 P.16

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) di bawah Exco Akademik mengadakan Pertandingan Pidato KKTM 2.0 secara dalam talian melalui platform siaran langsung di Laman Rasmi Facebook KKTM.

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan minat seni orator khususnya dalam pengucapan awam di kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah.

Pertandingan ini terbuka untuk semua mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah. Peserta yang menyertai pertandingan ini adalah mereka yang terdiri daripada pelbagai fakulti dan kolej kediaman yang ada di Universiti Malaysia Sabah.

Pertandingan ini adalah kesinambungan Pertandingan Pidato KKTM 2019 yang berlangsung di Cafeteria KKTM.

Selain itu, Hardley juga berbilang, penonton turut


aktif memberikan kata-kata semangat kepada semua peserta melalui ruangan komen.

Juri pertandingan itu terdiri daripada Mohammad Syafiq Bin Jestar yang juga Mantan Presiden Kelab Debat Mahasiswa Intelektual (DEMI), Radika Bin Kalbie hos profesional, Mohammad Norazmi Bin Haris, hos profesional dan Pensyarah Kursus Pidato PKPP, manakala juri keempat ialah Jas Azliezan Jasili, Pensyarah Kursus Debat PKPP.

Pengarah program, Hardley bin Jaual berkata, Objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan bakat kualiti seni orator dalam kalangan mahasiswa universiti Malaysia Sabah.

Beliau berharap pertandingan yang melibatkan ilmiah dan seniorator seperti pidato, debat dan banyak lagi akan mendapat penyertaan yang lagi ramai daripada seluruh mahasiswa Universiti Malaysia Sabah.

Selain itu, Hardley juga menyatakan ucapan penghar-



TAKLIMAT: Taklimat para peserta akhir Pertandingan Pidato KKTM 2.0 bersama Pengarah dan Timbalan Pengarah sebelum hari pertandingan.

gaan kepada Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha iaitu Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya. Dr Mohamad Nizam bin Nazaruddin dan Felo penyelaras iaitu Dr Abdul Khair Bin Beddu Asis atas sokongan, dorongan, nasihat dan penambahbaikan yang diberikan kepada barisan Ahli Jawatankuasa sepanjang tem-

poh pelaksanaan program. Pertandingan Pidato KKTM 2.0 KKTM dimenangi Mohamad Shakendy dengan tajuk pidato beliau "KITA MALAYSIA: KITA TEGUH KITAMENANG", naib johan oleh oleh Bayu Saputra Bin Rizal manakala tempat ketiga oleh oleh Irham Zulhilmi Bin Mohd Johan.



ALU-ALUAN: Ucapan Pengarah Program Pertandingan Pidato KKTM 2.0.